

29/01/1997

Anwar mahu tuduh menuduh dihentikan

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini meminta Kementerian Perusahaan Utama dan Kerajaan Sabah berhenti daripada tuduh menuduh berhubung penyeludupan keluar balak dari negeri itu sehingga siasatan selesai.

Pada masa yang sama, Timbalan Perdana Menteri mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) turut menyiasat kapal kargo yang menyeludup balak bernilai RM6 juta membabitkan royalti RM3 juta di Teluk Wallace, Pulau Sebatik di Tawau, pada 17 Januari lalu.

Menurutnya, dalam perbincangannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini, Perdana Menteri meminta diberi penjelasan mengenai isu siasatan kes tertentu termasuk balak.

"Kita sepatutnya tunggu penyiasatan terperinci oleh jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan. Tidak harus ada kenyataan yang boleh menyinggung mana-mana pihak.

"Dalam kes ini (balak), kita ada jawatankuasa. Tetapi jawatankuasa juga harus mengambil kira pandangan agensi lain termasuk Jabatan Hutan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta Lembaga Perindustrian Perakayuan Malaysia (MTIB).

"Pemimpin negeri tidak wajar membuat tuduhan atau menyinggung pihak lain, begitu juga pemimpin Persekutuan. Ini penting bagi membolehkan siasatan dibuat tanpa gangguan dan komen yang menimbulkan ketegangan atau masalah," katanya.

Beliau memberitahu sidang akhbar demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan dan Majlis Tanah Negara di sini, hari ini.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh semalam mendakwa 2,800 balak yang dirampas di Tawau pada 17 Januari lalu adalah dari Sabah tetapi dicatatkan dari Indonesia bagi mengelak royalti.

Menurutnya, syarikat yang mengendalikan kegiatan itu mendapat lesen dikeluarkan oleh MTIB dan disahkan Pasukan Polis Hutan (PPH) di sempadan Malaysia-Indonesia.

Beliau mendakwa Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik memutarbelitkan kenyataan dan mahu menutup kesalahan yang dibuat kementerian atau agensi di bawahnya.

Kelmarin, Dr Lim membidas Ghapur kerana melemparkan tuduhan melulu terhadap kementerian dan mendakwa beliau tidak membuat siasatan terperinci berhubung kes penyeludupan itu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, semua pihak sepatutnya tidak membuat pendedahan umum walaupun masing-masing mempunyai pendapat sendiri. Tindakan itu tidak wajar kerana siasatan belum diselesaikan.

"Dia boleh bagi komen tapi jangan buat keputusan, siasatan sedang berjalan, macam kalau orang tanya saya mengenai Telekom, saya hanya boleh kata, saya tidak tahu," katanya.

Menurutnya, jawatankuasa siasatan peringkat Persekutuan akan meminta maklumat lanjut daripada jawatankuasa peringkat negeri.

Beliau mengesahkan laporan siasatan jawatankuasa peringkat negeri sudah diserahkan kepadanya pagi ini oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee yang turut menghadiri mesyuarat hari ini.

"Di peringkat Persekutuan, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan mengetuai siasatan dan sekarang kita minta bantuan BPR untuk turut bantu," katanya sambil menambah, siasatan mungkin memakan masa

kerana membabitkan cuti perayaan serta jarak antara Sabah dan Semenanjung.
(END)